

Iftar@sana sini

Pada 14 Ogos 2012, pada sebelah malamnya pula, SELIA Group bersama Selia Selenggara Selatan telah mengadakan satu majlis berbuka puasa bersama dengan kakitangan berserta dengan 40 orang anak Yatim PAYA-SUM. Ini adalah merupakan satu lagi inisiatif CSR SELIA sempena bulan Ramadhan, bulan yang mulia ini. Program turut diserikan dengan solat Isyak dan solat Terawih. Ketua Pegawai Eksekutif SELIA Group, Datuk Mohamed Zaini Amran dan Pengerusi SSS, Tan Sri Dato Sri Subhan turut meluangkan masa hadir menyampaikan sumbangan kepada semua anak yatim yang hadir.

Berbuka puasa bersama Anak Yatim Paya Sum Melaka



Berbuka puasa SSS bersama warga DUN Senaling

Pada 10 Ogos 2012, dalam satu lagi inisiatif CSRnya sempena bulan Ramadhan, SELIA Group melalui SSS kawasan negeri Sembilan telah mengadakan satu majlis berbuka puasa di DUN Senaling bersama dengan Exco Kerjaya Raya, YB Datuk Ismail Lasim. Majlis tersebut telah dihadiri oleh kakitangan dan penduduk kampung di daerah tersebut. SSS telah memberikan sumbangan kepada 30 orang penduduk kampung yang kurang berkemampuan sebagai persediaan menyambut hari Lebaran.



Iftar@sana sini

Berbuka puasa SSS bersama warga DUN Jorak

Pada 31 Julai 2012, SELIA Selenggara Selatan kawasan Melaka dan Utara Johor telah mengadakan satu majlis berbuka puasa di DUN JORAK. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YB Datuk Dr Sharudin Md Salleh. SSS telah memberikan sumbangan kepada 30 orang penduduk kampung yang kurang berkemampuan dalam usaha membantu mereka meringankan beban persediaan menyambut ketibaan Syawal.



Berbuka puasa SSS bersama warga DUN KUKUP



Manakala pada 8 Ogos 2012 pula, SELIA Selenggara Selatan kawasan Selatan Johor telah mengadakan majlis berbuka puasa di DUN KUKUP bersama dengan kehadiran YB Datuk Md Othman Hj Yusof dan Juga Tn Haji Husney. Di dalam majlis ini SSS juga turut memberikan sumbangan duit raya kepada 30 orang penduduk kampung di kawasan tersebut.

Iftar@sana sini

Berbuka puasa bersama warga Infra Desa

Pada tahun ini, Infra Desa Johor mengadakan Majlis Berbuka Puasanya di Villa Warisan, Johor Bharu pada 31 Julai 2012. Majlis ini dihadiri oleh Pengerusi IDJ, Yang Berhormat. Dato' Ahmad Zahri dan Pengarah Urusan IDJ, Y.Bhg Datuk Mohamed Zaini Amran. Dianggarkan 100 orang telah hadir dan menikmati berbagai-bagai aneka makanan dan minuman telah disediakan. Antaranya ialah asam pedas, kambing golek, telur itik masak lemak, ikan bakar dan lain-lain lagi.

Antara aktiviti yang dilangsungkan pada majlis tersebut ialah tazkirah, sembahyang solat Maghrib, jamuan makan malam, solat Isya' disertakan dengan berjemaah solat Tarawikh yang diketuai oleh Imam Zaidi. Majlis tamat pada jam 10.30 malam.



Berbuka puasa di Gemencheh



7 Ogos 2012 - Sempena menyambut bulan Ramadhan pihak pengurusan Gemencheh Granite Sdn Bhd bersama-sama dengan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bertempat di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Gemencheh.

Majlis tersebut dihadiri oleh YBhg Datuk Mohamed Zaini Amran, Ketua Pegarah Urusan Selia Group, Timbalan Pengarah Urusan Tuan Haji Amli, Ketua-ketua syarikat di bawah pengurusan Selia Group, pelajar-pelajar PDK dan para ibu bapa.

